

**KECEKAPAN YAB DATUK SERI HJ. MOHD ALI BIN HJ. MOHD RUSTAM  
MEMPERKASA PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI MELAKA, 2000 – 2007.**

**Jadual 1: Pencapaian Melaka, 2000 – 2007 dan Sasaran 2010**

No.	Butiran	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	Sasaran 2010
1	Pertumbuhan KDNK Memuaskan	9.2%	0.4%	4.6%	6.5%	7.4%	6.1%	6.4%	6.6% @	7.0%
2	KDNK Per Kapita Meningkat (RM)	16,670	15,144	15,723	17,032	19,119	20,792	22,559	24,090 @	26,000
3	Pendapatan Isi Rumah Sebulan Mengukuh (RM)	2,260 (1999)	-	2,650	-	2,791	-	-	-	3,990
4	Kadar Kemiskinan Menurun	5.7% (1999)	-	2.7%	-	1.8%	-	-	0% (Feb. 08)	0.0%
5	Jurang Pendapatan Semakin Rapat (Luar Bandar : Bandar)	1:1.47 (1999)	-	1:1.37	-	1:1.29	-	-	-	1:1.17
6	Kadar Pengangguran Bawah 2%	1.3%	1.8%	2.9%	2.8%	1.6%	1.2%	1.3%	1.5% (Q3/07)	<3.0%
7	Kenaikan Kadar Inflasi Terkawal	-	1.3%	1.8%	1.1%	1.9%	3.6%	4.6%	2.4%	<3.0%

**Nota :** @ Anggaran awal

**Sumber:** Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perangkaan Malaysia dan Direktorat Pelaksanaan Negeri (DPN), Jabatan Ketua Menteri Melaka.

Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam telah menerajui Negeri Melaka sejak **2 Disember 1999**. Dalam tempoh 2000 – 2007, banyak kemajuan dan perubahan yang pantas telah dapat dilihat. Pembangunan Negeri ini terangkum dalam **Visi Melaka Maju 2010** yang telah beliau usahakan semenjak tahun 2000. Diakui bahawa beliau meneruskan kesinambungan usaha para pemimpin yang lebih awal. Walau bagaimanapun, beliau telah memacunya dengan lebih fokus dan pada tahap kelajuan yang lebih pantas lagi di bawah landskap k-ekonomi. Kesimpulan ini bersandarkan kepada beberapa fakta kukuh yang menunjukkan lonjakan kemajuan dalam satu tempoh masa yang sama.

Dalam tempoh lapan (8) tahun yang lalu, YAB Datuk Seri telah mempamerkan kecekapan luar biasa dalam mengemudikan ekonomi Negeri Melaka. Kejayaan beliau amat mengkagumkan kerana beliau mampu menguruskan **tujuh (7) angkubah ekonomi utama** atau *seven major economic variables*, yang selalunya berkonflik, sehingga dapat menghasilkan *output mix* yang positif dan memberangsangkan dalam satu tempoh masa yang sama. *Output mix* inilah yang dikatakan luar biasa dan mengkagumkan.

**Angkubah pertama** ialah **pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) atau Gross Domestic Product (GDP)** yang memuaskan di mana dalam tempoh lapan tahun Melaka telah mencatatkan kadar pertumbuhan purata sebanyak **5.9%** setahun, berbanding kadar pertumbuhan purata Malaysia sebanyak **5.5%** setahun bagi tempoh yang sama. Pada tahun 2007, Melaka mencatatkan kadar pertumbuhan KDNK sebanyak **6.6%**; satu

pencapaian yang membanggakan memandangkan persekitaran geo-politik dunia yang tidak menentu dan ekonomi dunia mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan. Sebagai contoh, pertumbuhan KDNK dunia hanyalah **5.2%**, Britain **2.9%**, USA **2.2%**, Jepun **2.1%** dan Perancis **1.8%**. Pada tahun 2010, Melaka mensasarkan pencapaian kadar pertumbuhan purata sebanyak **7%** setahun bagi membolehkannya mencapai status negeri maju.

**Angkubah kedua** ialah **KDNK per kapita** di mana Melaka telah mencatatkan peningkatan hampir **45%** dalam tempoh yang sama, daripada **RM16,670** seorang setahun pada tahun 2000 kepada **RM24,090** seorang setahun pada tahun 2007. Sasaran Melaka untuk menjadi negeri maju pada tahun 2010 ialah **RM26,000** seorang setahun. Berdasarkan prestasi ekonomi Melaka selama 8 tahun yang lalu, dijangka sasaran ini boleh dicapai.

**Angkubah ketiga** ialah **purata pendapatan isi rumah bulanan** yang bertambah kukuh iaitu meningkat sebanyak **23.5%** dalam tempoh 1999 – 2004, daripada **RM2,260** sebulan kepada **RM2,791** sebulan. Berdasarkan prestasi ekonomi yang baik, nampaknya pendapatan isi rumah *is on the right path* untuk mencapai sasaran **RM3,990** sebulan menjelang 2010.

Kenaikan pendapatan isi rumah bulanan ini telah membantu mengurangkan **kadar kemiskinan**, iaitu **angkubah keempat**, dalam tempoh yang sama. Kadar kemiskinan telah menurun daripada **5.7%** kepada **1.8%** dan telah mencapai **kemiskinan sifar** pada **bulan Februari 2008**; dua tahun lebih awal dari tarikh yang disasarkan (2010). Walau bagaimanapun, penurunan kadar kemiskinan ini **tidaklah** boleh dianggap sebagai sesuatu yang boleh berlaku dengan sendirinya ekoran daripada kenaikan pendapatan

isi rumah itu kerana, di sesetengah negara, kenaikan kadar kemiskinan dan penglebaran jurang sosio-ekonomi boleh berlaku dalam persekitaran pendapatan yang meningkat. Fenomena ini terbukti apabila China dan Korea Selatan terus mencatatkan kadar kemiskinan yang lebih tinggi iaitu masing – masing sebanyak **10%** dan **15%**.

Pencapaian ini membawa kepada **angkubah kelima** di mana **jurang pendapatan** antara kaum dan antara bandar dan luar bandar telah dapat **dikecilkan**. Sebagai contoh, jurang antara bandar dan luar bandar telah dapat **dirapatkan** sebanyak **12.2%** apabila pendapatan isi rumah bandar sebanyak **RM1.47** pada tahun 1999 dapat dikurangkan kepada **RM1.29** bagi setiap **RM1** yang diperolehi oleh isi rumah luar bandar. Sebaliknya di peringkat Malaysia, jurang pendapatan ini telah **melebar** sebanyak **8.2%** apabila pendapatan isi rumah bandar telah menokok daripada **RM1.95** kepada **RM2.11** dalam tempoh yang sama bagi setiap **RM1** yang diperolehi oleh isi rumah luar bandar. Komitmen kerajaan negeri ialah untuk terus merapatkan lagi jurang ini kepada **RM1.17** menjelang 2010. Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dijangka akan dapat mengesahkan arah-aliran berkenaan.

Penggemblengan semua usaha tersebut telah menghasilkan kadar pengangguran yang terendah di Malaysia selama 3 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 1999 – 2001 dan 2004 – 2006. Melaka juga telah mencatatkan kadar pengangguran terendah selama 10 suku tahun berturut-turut iaitu sejak suku tahun ketiga 2004 (Q3 2004). Kadar pengangguran Melaka yang rendah dan terkawal adalah hasil usaha Kerajaan Negeri menjana pertumbuhan ekonomi yang membuka pula banyak peluang pekerjaan.

Pada suku tahun ke-3 2007, **kadar pengangguran** Melaka, iaitu **angkubah keenam**, hanyalah **1.5%** (**terendah** di Malaysia) berbanding **3.1%** di peringkat Malaysia. Kadar pengangguran Melaka ini jauh di bawah *threshold* **4%** yang ditetapkan oleh *UN International Labaour Organization* sebagai guna tenaga penuh atau *full employment*. Kerajaan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap keupayaan mengekalkan kadar pengangguran di bawah **3%** pada tahun 2010.

Sukalah ditekankan bahawa penurunan kadar pengangguran **bukanlah** suatu yang mesti berlaku dalam persekitaran ekonomi yang berkembang. Namun, Melaka berjaya mencatatkan kadar pengangguran yang rendah berbanding negara lain yang mencatatkan kadar pengangguran yang lebih tinggi seperti Jerman (**8.6%**), Itali (**6.0%**), Kanada (**5.9%**), Britain (**5.3%**) dan Amerika Syarikat (**4.7%**).

Dalam persekitaran ekonomi yang berkembang dan pendapatan isi rumah meningkat, biasanya kadar inflasi akan turut meningkat kerana faktor tarikan permintaan atau *demand pull factor*. Tetapi di Melaka, kenaikan kadar inflasi, iaitu **angkubah ketujuh**, adalah terkawal. Dalam tempoh 8 tahun ini, purata kadar inflasi tahunan hanyalah **2.4%**. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri telah berjaya mengurangkan tekanan inflasi ekoran daripada lonjakan harga minyak mentah di pasaran dunia sejak tahun 2005 yang mendorong harga bahan bakar dan tarif elektrik melompat pada tahun 2006.

Kenaikan kadar inflasi yang melambung kepada **5.9%** pada bulan April 2006 telah berjaya diturunkan kepada **3.9%** pada bulan Disember

2006; menjadikan kadar inflasi Melaka pada tahun 2006 adalah sebanyak **4.6%**. Kenaikan kadar inflasi ini telah terus dapat diturunkan kepada **2.4%** pada tahun 2007 iaitu hampir **separuh** di bawah paras 2006! Kadar tersebut jauh lebih rendah berbanding dengan Indonesia (**13.2%**), Iceland (**6.8%**), Thailand (**5.1%**), Ireland (**3.9%**), New Zealand (**3.8%**) dan Korea Selatan (**3.0%**). Dijangka sasaran untuk mengekalkan kadar inflasi di bawah **3.0%** pada tahun 2010 akan dapat dicapai.

Sesungguhnya pencapaian *output mix* berdasarkan tujuh angkubah ekonomi utama itu adalah satu yang menakjubkan dan meninggalkan “*a deep imprint on economics*” – setara dengan sifat tokoh ekonomi yang diharapkan oleh **Alfred Nobel**.

Disediakan oleh:

**Direktorat Pelaksanaan Negeri**  
**Jabatan Ketua Menteri Melaka**  
**18 Mac 2008**